

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BAGAN DATUK 2035



Majlis Perbandaran Teluk Intan

PLANMalaysia@Perak
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak

PLANMalaysia
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia

JILID 3 : PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN
Mengandungi cadangan mekanisme pengurusan dan pelaksanaan serta
penilaian kemampuan yang disediakan mengikut peruntukan
Sub Seksyen 12(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)



SENARAI KANDUNGAN

BAB 1 : PENDAHULUAN	1-1
1.1 Pengenalan	1-2
1.2 Rumusan Penemuan Utama	1-2
1.2.1 Struktur Pengurusan dan Pentadbiran	1-2
1.2.2 Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan Rancangan Tempatan (RT)	1-4
1.3 Cadangan Pengurusan dan Pelaksanaan	1-5
1.3.1 Penubuhan Majlis Daerah Bagan Datuk (MDBD)	1-5
1.3.2 Penubuhan Jabatan dan Agensi Teknikal di Peringkat Daerah	1-6
1.3.3 Pengukuhan Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan Rancangan Tempatan	1-6
1.3.4 Menggalakkan Penglibatan Serta Pelaburan Pihak Swasta Dalam Pembangunan Daerah Bagan Datuk	1-10
1.4 Rumusan Cadangan Projek dan Program RT Daerah Bagan Datuk 2035	1-14
1.5 Mekanisme Pelaksanaan Serta Pemantauan Projek dan Program Pembangunan	1-23
1.5.1 Cadangan Kaedah Pelaksanaan Melalui <i>Public-Private Partnership</i> (PPP)	1-23
1.5.2 Agensi Pelaksana dan Penglibatan Dalam RT Daerah Bagan Datuk 2035	1-25
1.5.3 Indikator dan Sasaran Pencapaian Projek dan Program Pembangunan	1-30
1.6 Hasil Pendapatan Kepada Pihak Berkuasa Tempatan	1-43
1.6.1 Caj Pemajuan	1-43
1.6.2 Cukai Taksiran	1-44



BAB 2 : PENILAIAN KEMAMPANAN	2-1
2.1 Pengenalan	2-2
2.2 Objektif Kemampunan dan Kriteria Penilaian Kemampunan	2-2
2.3 Hasil Penilaian Keserasian Objektif Pembangunan RT Daerah Bagan Datuk 2035 Dengan Objektif Kemampunan	2-7
2.4 Penilaian Keserasian Strategi Pembangunan RT Daerah Bagan 2035 Dengan Objektif Kemampunan	2-8
2.5 Penilaian Keserasian Cadangan Projek dan Program RT Daerah Bagan Datuk 2035 Dengan Objektif Kemampunan	2-10



SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Senarai Jabatan Yang Terletak di Luar Daerah Bagan Datuk	1-3
Jadual 1.2	Cadangan Keahlian Majlis Penuh (RT dan RKK)	1-10
Jadual 1.3	Perincian Kerjasama Public-Private Partnership (PPP) Yang Dipraktikkan di Malaysia	1-11
Jadual 1.4	Bilangan Cadangan Projek / Program dan Kos Projek Dalam RT Daerah Bagan Datuk 2035	1-15
Jadual 1.5	Perincian Cadangan Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Bagan Datuk 2035	1-16
Jadual 1.6	Cadangan Pelaksanaan Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Bagan Datuk 2035 Melalui Public-Private Partnership (PPP)	1-23
Jadual 1.7	Peranan Agensi Pelaksana Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Bagan Datuk 2035	1-25
Jadual 1.8	Cadangan Indikator Pemantauan dan Sasaran Pencaianan Projek / Program Pembangunan RT Daerah Bagan Datuk 2035	1-30
Jadual 1.9	Perincian Cadangan Pengiraan Caj Pemajuan di Daerah Bagan Datuk	1-43
Jadual 1.10	Anggaran Jumlah Caj Pemajuan Yang Akan Diperoleh Dengan Perubahan Penggunaan Tanah	1-44
Jadual 1.11	Anggaran Keluasan Kawasan Dibina (Kaki Persegi)	1-45
Jadual 1.12	Anggaran Tambahan Cukai Taksiran Yang Akan Diperoleh Fasa 2 (Tahun 2021 – 2025)	1-46
Jadual 1.13	Anggaran Tambahan Cukai Taksiran Yang Akan Diperoleh Fasa 3 (Tahun 2026 – 2030)	1-46
Jadual 1.14	Anggaran Tambahan Cukai Taksiran Yang Akan Diperoleh Fasa 4 (Tahun 2031 – 2035)	1-47



Jadual 2.1	Pernyataan Isu Strategik, Objektif Pembangunan Mampan dan Indikator Pembangunan Mampan RT Daerah Bagan Datuk 2035	2-3
Jadual 2.2	Rumusan Objektif Pembangunan Mampan Bagi RT Daerah Bagan Datuk 2035	2-6
Jadual 2.3	Penilaian Keserasian Objektif Pembangunan RT Daerah Bagan Datuk 2035 Dengan Objektif Kemampanan	2-7
Jadual 2.4	Penilaian Keserasian Strategi Pembangunan RT Daerah Bagan Datuk 2035 Dengan Objektif Kemampanan	2-8
Jadual 2.5	Penilaian Keserasian Cadangan Projek dan Program RT Daerah Bagan Datuk 2035 Dengan Objektif Kemampanan	2-11

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Cadangan Struktur Organisasi Majlis Daerah Bagan Datuk (MDBD)	1-7
Rajah 1.2	Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan Rancangan Tempatan	1-8

PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN

- Rumusan penemuan utama sektor Pengurusan dan Pelaksanaan
- Cadangan pengurusan dan pelaksanaan merangkumi penubuhan beberapa jabatan dan jawatankuasa serta mekanisme pemantauan projek / program.



1.1 Pengenalan

RT Daerah Bagan Datuk 2035 merupakan perancangan komprehensif yang dilengkapi dengan hala tuju pembangunan dan cadangan projek atau program bagi meningkatkan kualiti hidup, ekonomi, sosial dan persekitaran Daerah Bagan Datuk. Mekanisme pelaksanaan dan pemantauan yang berdaya laksana adalah penting bagi memastikan perancangan komprehensif yang telah dirangka adalah efektif dan menghasilkan output sebagaimana dirancang. RT ini merupakan instrumen penting sebagai asas rujukan dan panduan oleh pihak pembangunan di peringkat daerah, negeri dan persekutuan untuk membangunkan Daerah Bagan Datuk sebagai sebagai “Pusat Pembangunan Ekonomi Utama Berdasarkan Perikanan, Agromakanan dan Industri Komoditi Wilayah Perak Selatan”.

1.2 Rumusan Penemuan Utama

1.2.1 Struktur Pengurusan dan Pentadbiran

i. Penubuhan Majlis Daerah Bagan Datuk (MDBD)

Sehingga kini, Majlis Daerah Bagan Datuk (MDBD) belum ditubuhkan secara rasmi. Permohonan untuk menubuhkan Majlis Daerah Bagan Datuk (MDBD) telah diusulkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Perak. Namun, kelulusan permohonan ditangguhkan sehingga Kerajaan Negeri Perak mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan bagi mendapatkan persetujuan. Keluasan kawasan pentadbiran MDBD masih belum ditetapkan memandangkan MDBD masih belum ditubuhkan secara rasmi.

Namun, selaras dengan dasar dalam RSN Perak 2040, RT Daerah Bagan Datuk 2035 ini akan mencadangkan agar kawasan pentadbiran MDBD meliputi seluruh Daerah Bagan Datuk.

Dari aspek kewangan, sebuah daerah yang mempunyai hasil prestasi kewangan kukuh dan stabil adalah penting bagi membolehkan PBT meneruskan rancangan pembangunan dalam kawasan pentadbiran masing-masing di samping membiayai perbelanjaan penyelenggaraan, kebersihan dan pengindahan. Sumber daripada hasil cukai amat penting sebagai penyumbang utama kepada kewangan PBT. Daerah Bagan Datuk mempunyai kawasan berpotensi yang luas untuk dibangunkan. Peningkatan kawasan tumpu bina dan pembangunan akan meningkatkan jumlah hasil cukai kepada MDBD.

ii. Jabatan dan Agensi Teknikal Peringkat Daerah

Terdapat jabatan dan agensi teknikal yang masih belum ditubuhkan di peringkat daerah dan masih menumpang daerah lain seperti Jadual 1.1. Kajian ini mencadangkan agar penubuhan jabatan dan agensi teknikal di peringkat daerah dipercepatkan dan ditumpukan dalam suatu kawasan pusat pentadbiran bagi mewujudkan suatu sistem pentadbiran dan pengurusan daerah yang bersepada dan sistematik.



Jadual 1.1 : Senarai Jabatan Yang Terletak di Luar Daerah Bagan Datuk

Bil.	Nama Jabatan / Agensi	Lokasi Semasa
1	JPS Daerah Hilir Perak	Teluk Intan
2	Pejabat Pertanian Daerah Hilir Perak	Teluk Intan
3	Pejabat Kesihatan Daerah Hilir Perak	Teluk Intan
4	Ibu Pejabat Polis Daerah Hilir Perak	Teluk Intan
5	Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak Cawangan Teluk Intan	Teluk Intan
6	Jabatan Perhilitan Daerah Teluk Intan	Teluk Intan
7	Pejabat Veterinar Daerah Teluk Intan	Teluk Intan
8	Jabatan Imigresen Cawangan Teluk Intan	Teluk Intan
9	Kastam Diraja Malaysia	Teluk Intan
10	Lembaga Air Perak Wilayah Selatan	Tapah
11	Pejabat Perikanan Hilir Perak	Teluk Intan

Sumber : Kajian RT Daerah Bagan 2035.

iii. Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT)

Jabatan Perancang Bandar dalam PBT adalah PBPT yang bertanggungjawab dalam kawasan operasi PBT tersebut selaras peruntukan di bawah Seksyen 5, Akta 172. Bagi PBT yang tidak mentadbir keseluruhan daerah, Pengarah PLANMalaysia@Perak adalah Pihak Berkuasa Perancang Tempatan bagi kawasan yang terletak di luar kawasan operasi tersebut. Adalah penting agar kawasan pentadbiran MDBD meliputi seluruh Daerah Bagan Datuk.

iv. Penubuhan Badan Pengurusan Tanaman Kelapa

Sebuah badan pengurusan khas bagi memantau dan menguruskan pembangunan tanaman kelapa dalam Daerah Bagan Datuk perlu ditubuhkan selari dengan matlamat pembangunan ekonomi daerah ini yang akan menumpukan kepada tanaman kelapa sebagai salah satu sektor pertanian utama.

v. Penglibatan Komuniti dan Pihak Swasta Dalam Perancangan dan Pembangunan Daerah

Kurang kerjasama antara orang awam dan pihak swasta dengan agensi pelaksana boleh mewujudkan konflik dan menghasilkan pembangunan yang tidak memenuhi kehendak orang awam dan pasaran semasa. Oleh yang demikian, 'ruang' dan 'peluang' perlu diberikan kepada mereka bagi menyuarakan pendapat serta melibatkan mereka dalam proses perancangan dan pembangunan daerah.



1.2.1 Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan Rancangan Tempatan (RT)

i. Penubuhan Jawatankuasa Khas Sebagai Penyelaras dan Pemantau Pelaksanaan Rancangan Tempatan

Terdapat keperluan untuk menubuhkan jawatankuasa khas untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar, projek dan program pembangunan yang dicadangkan dalam rancangan tempatan bagi mewujudkan suatu mekanisme pemantauan yang cekap dan efektif. Penubuhan jawatankuasa khas ini penting bagi meningkatkan koordinasi setiap jabatan dan agensi teknikal yang terlibat dalam pembangunan Daerah Bagan Datuk serta memastikan pelaksanaan projek dan program pembangunan RT Daerah Bagan Datuk 2035 dapat dipantau secara berkala. Penyelarasaran antara setiap jabatan dan agensi teknikal adalah penting memandangkan setiap jabatan dan agensi teknikal mempunyai bidang kuasa serta peranan masing-masing.

ii. PLANMalaysia@Perak Sebagai Penyelaras

PLANMalaysia@Perak akan mengetuai kerja-kerja menyelaras rancangan spatial negeri dan memastikan Pihak Berkuasa Negeri dan Majlis Daerah Bagan Datuk (MDBD) serta semua jabatan, agensi dan badan-badan pelaksana lainnya merancang dan melaksanakan pembangunan daerah selaras dengan Rancangan Tempatan. Antara jabatan atau agensi yang memainkan peranan yang besar dalam perancangan spatial termasuklah UPEN, Pejabat Tanah dan Daerah, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Pertanian dan Jabatan Alam Sekitar.

PLANMalaysia yang juga bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan RT, akan melaporkan kepada Kerajaan Negeri sebarang penyimpangan atau ketidakselarasan pembangunan di mana pelaksanaan dasar-dasar RT berkuatkuasa sebaik sahaja RT diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan diwartakan.

iii. Laporan Pemantauan dan Penilaian *Outcome* Rancangan Pemajuan (LPPORP)

Berdasarkan Manual Pemantauan dan Penilaian *Outcome* Rancangan Pemajuan 2013, PLANMalaysia@Negeri dengan kerjasama PLANMalaysia@Semenanjung Malaysia perlu menyediakan Laporan Pemantauan dan Penilaian *Outcome* Rancangan Pemajuan (LPPORP) dalam tempoh dua tahun sekali setelah 24 bulan dari tarikh sesebuah rancangan pemajuan diwartakan. Laporan ini perlu disediakan sebagai asas kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan PBT dalam mengendali dan melaksana aktiviti pemantauan dan penilaian *outcome* Rancangan Pemajuan. Terdapat dua jenis LPPORP di peringkat tempatan iaitu:



Laporan Pemantauan dan Penilaian *Outcome* Rancangan Tempatan (**LPORT**)



Laporan Pemantauan dan Penilaian *Outcome* Rancangan Kawasan Khas (**LPPORKK**)

iv. Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) / Majlis Daerah Bagan Datuk (MDBD) Sebagai Agensi Pelaksana Utama

MPTI / MDBD sebagai Pihak Berkuasa Tempatan Daerah Bagan Datuk memainkan peranan penting sebagai agensi pelaksana dan pemantau utama RT Daerah Bagan Datuk 2035. MPTI / MDBD perlu memastikan pembangunan yang berlaku dalam dalam daerah ini adalah selari dan tidak bercanggah dengan RT Daerah Bagan Datuk 2035 serta cadangan program dan projek pembangunan yang dicadangkan dapat dilaksanakan dalam tempoh fasa yang ditetapkan. Oleh yang demikian, organisasi MDBD yang akan dibentuk perlu mempunyai struktur serta penjawatan yang mencukupi bagi menjalankan peranan tersebut.

1.3 Cadangan Pengurusan dan Pelaksanaan

1.3.1 Penubuhan Majlis Daerah Bagan Datuk (MDBD)

i. Struktur Organisasi dan Penjawatan MDBD

Menurut Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, struktur organisasi dan penjawatan dalam Majlis Daerah Bagan Datuk adalah sebagaimana model daerah-daerah kecil lain seperti Majlis Daerah Lenggong. Walau bagaimanapun, bagi memantapkan keupayaan MDBD sebagai agensi pelaksana utama Rancangan Tempatan, RT Daerah Bagan Datuk 2035 ini mencadangkan agar Unit Rancangan Pemajuan ditubuhkan di bawah Jabatan Perancangan Pembangunan.

Unit ini terdiri daripada seorang Pegawai Perancang / Penolong Pegawai Perancang serta dibantu juruteknik dengan tanggungjawab seperti berikut:

-  Menjalankan kerja-kerja koordinasi bagi menyelesa projek dan program pembangunan yang dicadangkan dalam RT dan RKK.
-  Menyelaras projek dan program pembangunan mengikut keutamaan dan fasa pelaksanaan yang sesuai bagi membolehkan projek yang penting dan memberi lebih manfaat diutamakan.
-  Mengendali dan melaksanakan aktiviti pemantauan dan penilaian *outcome* Rancangan Pemajuan.
-  Pengumpulan data-data permohonan Kebenaran Merancang (KM) untuk pemantauan RT dan RK.
-  Memberi maklum balas untuk penambahbaikan Laporan Pemantauan dan Penilaian Outcome Rancangan Tempatan (LPORT) oleh PLANMalaysia.



Pemantauan secara berkala adalah penting bagi melancarkan proses pembangunan kerana sebarang halangan atau masalah yang timbul boleh dikenalpasti di peringkat awal dan diselesaikan secara bersama. Cadangan struktur organisasi Majlis Daerah Bagan Datuk (MDBD) ditunjukkan dalam **Rajah 1.1**.

ii. Kawasan Pentadbiran MDBD

Selaras dengan dasar dalam RSN Perak 2040, RT Daerah Bagan Datuk 2035 ini mencadangkan agar kawasan pentadbiran MDBD meliputi seluruh Daerah Bagan Datuk bagi membolehkan peruntukan Akta 172 dikuatkuasakan sepenuhnya dalam Daerah Bagan Datuk. MDBD berupaya untuk menyelaraskan perancangan dan kawalan pembangunan dengan teratur dan berkesan serta menawarkan perkhidmatan perbandaran dengan lebih menyeluruh. Selain itu, kawasan pentadbiran yang luas dapat memperkuuh sumber pendapatan MDBD terutama dari segi pungutan cukai taksiran untuk kawasan perumahan, perdagangan dan perindustrian serta mendapat faedah-faedah lain daripada pembangunan tersebut.


1.3.2 Penubuhan Jabatan dan Agensi Teknikal di Peringkat Daerah

RT Daerah Bagan Datuk 2035 ini mencadangkan agar penubuhan 11 jabatan / agensi teknikal yang masih menumpang daerah (**Jadual 1.1**) dipercepatkan dan ditumpukan dalam suatu kawasan pusat pentadbiran / kompleks bangunan pentadbiran atau ditumpukan di Bandar Bagan Datuk.

1.3.3 Pengukuhan Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan Rancangan Tempatan

Mekanisme pelaksanaan dan pemantauan rancangan tempatan yang menyeluruh dan bersepada perlu diwujudkan untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar, projek dan program pembangunan yang dicadangkan dalam RT Daerah Bagan Datuk 2035 ini. Selain itu, koordinasi setiap jabatan dan agensi teknikal yang terlibat dalam pembangunan Daerah Bagan Datuk boleh ditingkatkan dan diselaraskan agar tidak bercanggah dan selari dengan hala tuju pembangunan yang telah ditetapkan dalam RT ini. **Rajah 1.2** menunjukkan cadangan mekanisme pelaksanaan dan pemantauan yang menyeluruh meliputi peringkat negeri, daerah dan pihak berkuasa tempatan.

Rajah 1.1 : Cadangan Struktur Organisasi Majlis Daerah Bagan Datuk (MDBD)



Sumber : Kajian RT Daerah Bagan Datuk 2035.



Rajah 1.2 : Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan Rancangan Tempatan




Sumber : Kajian RT Daerah Bagan Datuk 2035.

*Nota : Berdasarkan Manual Pemantauan dan Penilaian Outcome Rancangan Pemajuan 2013 oleh PLANMalaysia

ii. Penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Rancangan Pemajuan (JPRP)

Sebagaimana dicadangkan dalam RSN Perak 2040, Jawatankuasa Pemantauan Rancangan Pemajuan perlu ditubuhkan di peringkat negeri untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar, program, projek dan unjuran yang dicadangkan dalam semua rancangan pemajuan. Ahli-ahli jawatankuasa dilantik oleh JPN dan dipengerusikan oleh sama ada Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) atau Exco atau individu lain yang berkelayakan dan dipersetujui oleh PBN.





Pembentukan jawatankuasa khas ini adalah penting bagi meningkatkan koordinasi setiap jabatan dan agensi teknikal yang terlibat dalam pembangunan Daerah Bagan Datuk serta memastikan pelaksanaan projek dan program pembangunan RT Daerah Bagan Datuk 2035 dapat dipantau secara berkala. Penyelarasan antara setiap jabatan dan agensi teknikal adalah penting memandangkan setiap jabatan dan agensi teknikal mempunyai bidang kuasa serta peranan masing-masing.

ii. Penubuhan Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah Bagan Datuk

Bagi membincangkan status pelaksanaan program dan projek pembangunan yang telah dirancang dalam RT Daerah Bagan Datuk 2035 serta pembangunan lain di peringkat daerah, suatu jawatankuasa khas dicadangkan untuk ditubuhkan. Cadangan dalam RT Daerah Bagan Datuk 2035 perlu dipantau secara berkala bagi memantau tahap pelaksanaannya serta mengenalpasti masalah pengurusan yang timbul di peringkat daerah. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah Bagan Datuk dicadangkan untuk dijalankan 1 kali setiap bulan bagi memantau perkara tersebut.

CADANGAN KEAHLIAN JAWATANKUASA KERJA TINDAKAN DAERAH BAGAN DATUK



Pengerusi

- Pegawai Daerah Bagan Datuk
- Setiausaha
- Pengarah Jabatan Perancang Bandar MPTI / MDBD
- Ahli
 - Semua ketua jabatan teknikal daerah
 - Penghulu setiap mukim
 - 2 wakil Parlimen
 - 4 wakil Dewan Undangan Negeri



FUNGSI

- Melaporkan hasil pemantauan terhadap cadangan setiap projek / program oleh semua jabatan terlibat. Pihak jabatan teknikal yang terlibat perlu mengemaskini status pelaksanaan setiap projek / program berkaitan. Ini adalah bertujuan untuk memudahkan urusan permohonan peruntukan dan memastikan pelaksanaan projek mengikut fasa yang ditetapkan.
- Mengatur, mengawal, merancang dan menyelaraskan semua aktiviti pemajuan antara semua pihak dalam Daerah Bagan Datuk.
- Setiap agensi teknikal dalam pembangunan daerah perlu memaklumkan dan berunding dalam jawatankuasa ini mengenai cadangan aktiviti pemajuan agar tidak bercanggah dengan RT Daerah Bagan Datuk 2035.



iii. Pelaksanaan Majlis Penuh (RT dan RKK)

Majlis Penuh yang merupakan mesyuarat di peringkat PBT perlu dilaksanakan minimum 4 kali setahun / 1 kali setiap 3 bulan atau berdasarkan keperluan sebagaimana dinyatakan dalam "Manual Pemantauan dan Penilaian Outcome Rancangan Pemajuan (PPORP) 2013". Keahlian bagi Majlis Penuh adalah tertakluk kepada peruntukan dalam Seksyen 10, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) adalah seperti **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2 : Cadangan Keahlian Majlis Penuh (RT dan RKK)

Pengerusi	Yang Dipertua MDBD
Setiausaha	Ketua Jabatan Perancang Bandar MDBD
Ahli	<ul style="list-style-type: none">▪ Setiausaha MDBD▪ Ahli-ahli Majlis▪ Ketua-ketua jabatan MDBD▪ Semua ketua jabatan teknikal daerah (yang berkaitan)

Sumber : Manual Pemantauan dan Penilaian Outcome Rancangan Pemajuan 2013.

1.3.4 Menggalakkan Penglibatan serta Pelaburan Pihak Swasta Dalam Pembangunan Daerah Bagan Datuk

Sebagai sebuah daerah yang baru dibentuk, Bagan Datuk memerlukan kerjasama serta penglibatan sektor swasta selain bergantung kepada peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi memastikan proses pembangunan berjalan dengan lancar sebagaimana dirancang.

Sebahagian besar daripada projek yang telah dirancang dalam RT ini memerlukan penglibatan serta pelaburan daripada pihak swasta. Kerjasama antara agensi kerajaan dengan pihak swasta akan mewujudkan satu gabungan pelbagai perkhidmatan yang lebih profesional dalam mencapai pelaksanaan RT yang lebih berjaya dan efektif. Oleh yang demikian, semua agensi kerajaan yang terlibat dalam pembangunan Daerah Bagan Datuk terutamanya MPTI / MDBD perlu mengambil inisiatif dengan memberikan insentif-insentif yang menarik untuk menarik minat pihak swasta untuk membuat pelaburan besar. Antara bentuk usahasama yang boleh dilaksanakan adalah :

- Kerjasama Awam Swasta (*Public-private partnership*)
- Pembangunan Tanah Bersepakat

i. Kerjasama Awam Swasta (*Public-Private Partnership*)

Kerjasama awam swasta atau *Public Private Partnership* (PPP) merupakan satu bentuk kerjasama antara sektor awam dan sektor swasta iaitu satu *stand alone business* diwujudkan, dibiayai dan diuruskan oleh sektor swasta sebagai satu pakej yang merangkumi pembinaan pengurusan, penyenggaraan, pembaikan dan penggantian aset sektor awam meliputi bangunan, infrastruktur, peralatan dan kemudahan. **Jadual 1.3** memperincikan kerjasama PPP yang diperlakukan di Malaysia. Berdasarkan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), sektor utama yang diberi perhatian adalah kesihatan, pendidikan, infrastruktur dan teknologi hijau.



Jadual 1.3 : Perincian Kerjasama Public-Private Partnership (PPP) yang Dipraktikkan di Malaysia

Jenis PPP	Contoh Projek	Kaedah PPP	
		Penswastaan	Inisiatif Pembentangan Swasta (PFI)
Bina - Kendali - Pindah [Build - Operate - Transfer (BOT)]			
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penswastaan projek yang kebiasaannya dilaksanakan oleh sektor awam seperti projek infrastruktur dan kemudahan awam. ▪ Melibatkan pembinaan sesuatu kemudahan awam oleh pihak swasta dengan pembentangan sendiri. ▪ Syarikat akan mengendalikan kemudahan tersebut bagi satu tempoh konsesi tertentu dan ianya akan diserahkan balik kepada Kerajaan tanpa kos di akhir tempoh konsesi berkenaan. ▪ Pihak syarikat dibenarkan mengutip caj / fi daripada pengguna yang akan menggunakan perkhidmatan tersebut secara tidak langsung daripada pihak perantaraan, biasanya institusi Kerajaan. 	a) Lebuhraya bertol b) Perkhidmatan rel ringan c) Pembentungan	✓	
Bina - Pajak - Pindah [Build - Lease - Transfer (BLT)]			
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Syarikat swasta membina kemudahan dengan pembentangan sendiri. ▪ Apabila siap, kemudahan berkenaan akan digunakan oleh Kerajaan. ▪ Sebagai balasan, syarikat akan mengenakan sewaan kepada Kerajaan untuk suatu tempoh yang panjang contohnya selama 25 tahun. ▪ Selepas tempoh tersebut, kemudahan berkenaan akan diserahkan kepada Kerajaan. 	a) Pembangunan kompleks bangunan Kerajaan di Putrajaya b) Pembinaan 10,000 unit rumah guru Fasa 1 di Selangor, Kuala Lumpur, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Sarawak dan Sabah.		✓
Bina - Kendali - Milik [Build - Operate - Own (BOO)]			
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Syarikat swasta membiayai pembinaan dan mengendalikan kemudahan tanpa menyerahkan aset tersebut kepada Kerajaan. ▪ Dalam tempoh konsesi, syarikat dibenarkan mengenakan caj kepada pengguna kemudahan atau perkhidmatan berkenaan. 	a) Penjanakuasa Elektrik Persendirian (IPP) b) Bekalan Air Dingin Putrajaya.	✓	
Bina - Pajak - Selenggara – Pindah [Build - Lease - Maintain - Transfer (BLMT)]			
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Syarikat swasta membina dan menyelenggara kemudahan Kerajaan dengan pembentangan sendiri sepanjang tempoh konsesi. ▪ Kerajaan akan hanya membuat bayaran sekiranya perkhidmatan itu menepati tahap perkhidmatan yang telah dipersetujui (pre-agreed service level) atau Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator- KPI) yang telah ditetapkan. ▪ Kemudahan tersebut akan menjadi milik Kerajaan setelah tamat tempoh konsesi. 	Projek pembinaan kampus UiTM di kawasan terpilih		✓



Jenis PPP	Contoh Projek	Kaedah PPP	
		Penswastaan	Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Pertukaran tanah (Land swap)			
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Syarikat swasta membina kemudahan untuk Kerajaan seperti pejabat dan kuarters. ▪ Sebagai balasan Kerajaan akan memindah milik tanahnya kepada syarikat. ▪ Kaedah ini juga melibatkan pembangunan tanah secara usahasama yang mana tanah tidak dipindah milik kepada syarikat tetapi harta tanah yang siap dibangunkan akan dijual terus kepada orang awam. ▪ Pulangan kepada Kerajaan adalah dalam bentuk <i>in-kind</i> dan bayaran tunai. 	a) Pembangunan Semula Tapak Sekolah Bukit Bintang Kuala Lumpur, b) Pembangunan Tanah DBKL Mukim Batu c) Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil d) Pembinaan Kem Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Bukit Gedung Pulau Pinang	✓	
Kontrak Pengurusan			
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menggunakan kepakaran sektor swasta untuk mengurus sesuatu aktiviti atau melaksanakan perkhidmatan yang sebelum itu dijalankan sendiri oleh kerajaan secara kontrak jangka pendek. ▪ Melibatkan pembayaran oleh Kerajaan bagi perkhidmatan tersebut untuk suatu tempoh konsesi dan melibatkan pemindahan kakitangan, tanggungjawab pengurusan dan aset mudah alih kepada syarikat swasta yang berkenaan. 	a) Penyelenggaraan Jalan Persekutuan b) Perkhidmatan sokongan hospital bagi Hospital Kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia		
Pengkorporatan			
Kaedah ini digunakan bagi menukar taraf agensi Kerajaan menjadi sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 dengan ekuiti syarikat dipegang sepenuhnya Kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan.	a) SIRIM Berhad, b) MIMOS Berhad dan c) Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB)	✓	
Pajakan			
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Melibatkan pemindahan hak menggunakan aset dan kemudahan untuk tempoh tertentu dengan bayaran sewa pajakan. ▪ Biasanya digunakan bagi penswastaan entiti yang mempunyai aset bernilai tinggi dan bersifat strategik seperti pelabuhan dan lapangan terbang. ▪ Kaedah ini tidak melibatkan pindah milik aset kepada syarikat konsesi tetapi peraturan-peraturan boleh dibuat bagi pemajak membeli aset berkenaan di akhir tempoh pajakan. ▪ Tempoh pajakan adalah sama dengan tempoh konsesi. 	a) Pelabuhan Kuantan b) Pajakan terminal kontena di Pelabuhan Klang	✓	

Sumber : Portal Rasmi Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), 2018



SEKTOR YANG TERLIBAT DALAM PPP

- Pengangkutan
- Lebuhraya / Jalan raya
- Keretapi
- Pelabuhan
- Lapangan Terbang
- Kuasa elektrik
- Kesihatan
- ICT
- Penginapan
- Pelancongan

SYARAT PELAKSANAAN PROJEK PPP

KOS PROJEK	TEMPOH KONSESI	MODAL BERBAYAR (semasa permohonan projek dikemukakan)
PENSWASTAAN	25 juta	Sekurangnya 7 tahun
INISIATIF PEMBIAYAAN SWASTA (PFI)	100 juta	15 - 25 tahun <i>(bergantung kepada model perniagaan)</i>

Sumber : Portal Rasmi Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), 2018

Melalui kerjasama ini, kos pembangunan boleh diminimakan. Faktor ini adalah penting terutamanya bagi daerah baru seperti Bagan Datuk yang mana struktur kewangannya masih belum kukuh. Selain faktor kewangan, pelaksanaan projek usahasama akan membantu dalam meningkatkan lagi kualiti dan daya pengeluaran berdasarkan kepada kepakaran yang dimiliki oleh pihak swasta tersebut. Antara insentif yang boleh diberikan bagi menarik minat pihak swasta dalam kerjasama ini adalah seperti mengurangkan caj pembangunan serta mempercepatkan proses kelulusan yang berkaitan dengan pembangunan seperti kebenaran merancang, pelan bangunan, tukar syarat tanah dan sebagainya. Pendekatan ini adalah selari dengan inisiatif Kerajaan Persekutuan yang telah menyediakan Dana Mudah Cara sebagai insentif ke atas pelaburan yang telah dibuat oleh sektor swasta melalui pelaksanaan projek-projek pembangunan. Tertakluk kepada dasar dan keputusan Kerajaan dari semasa ke semasa, secara umumnya bantuan Dana Mudah Cara ini diberi dalam bentuk geran.

MPTI / MDBD perlu membentuk rangka kerja untuk projek-projek usahasama dengan pihak swasta sebelum menjalankan sebarang projek usahasama bagi memastikan kelancaran projek-projek tersebut serta mengelakkan berlakunya penyelewengan atau tindakan yang tidak jelas. Selain itu, sektor swasta boleh diberi panduan dan galakan pembangunan kawasan yang telah dikenal pasti potensi pembangunannya dalam RT Daerah Bagan Datuk 2035 bagi memudahkan pelabur memahami dan membuat keputusan berkaitan pelaburan.



ii. Pembangunan Tanah Bersepakat (PTB)

Pembangunan Tanah Bersepakat (PTB) atau *land readjustment* (juga dikenali di negara lain dengan nama *land consolidation* atau *land pooling*) merupakan satu kaedah pembangunan tanah di mana sekumpulan lot tanah yang telah dibangunkan secara tidak terancang dan tertinggal dari arus pembangunan, disusun semula dengan penyediaan kemudahan asas dan awam yang mencukupi, melalui kerjasama dan persetujuan pemilik-pemilik tanah. Beberapa kebaikan PTB adalah :

- Meningkatkan nilai tanah
- Pegangan hak milik terjamin
- Masalah pemaju melanggar syarat perjanjian dan masalah kewangan dapat dielakkan
- Penyelesaian secara langsung isu pemilikan
- Penyelesaian harta pusaka
- Mengelakkan pengambilan balik tanah
- Peningkatan kutipan cukai hasil peningkatan nilai hartanah

1.4 Rumusan Cadangan Projek dan Program RT Daerah Bagan Datuk 2035

Pelaksanaan cadangan projek dan program pembangunan yang dicadangkan dalam RTD Bagan Datuk 2035 ini dibahagikan kepada empat fasa pelaksanaan berdasarkan keutamaan serta skala projek /

Fasa Pelaksanaan

- Fasa 1: Tahun 2019 – 2020
- Fasa 2: Tahun 2021 – 2025
- Fasa 3: Tahun 2026 – 2030
- Fasa 4: Tahun 2031 – 2035

program tersebut. Projek berskala besar umpannya memerlukan sumber peruntukan serta proses perancangan yang lebih panjang sebelum boleh dilaksanakan. Fasa pembangunan ini ditentukan bagi memastikan setiap cadangan dapat dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan kepada keutamaan dan kepentingannya.

Selain itu, ia memudahkan agensi pelaksana untuk membuat perancangan dan rangka kerja berdasarkan jadual dan tempoh masa yang telah diberikan. Keseluruhan bilangan projek dan program pembangunan yang dicadangkan dalam RT Daerah Bagan Datuk 2035 serta kos yang dianggarkan adalah seperti **Jadual 1.4** dan **Jadual 1.5**. Kos pembangunan yang tertinggi adalah bagi pembangunan Infrastruktur, Utiliti dan Amalan Teknologi Hijau (RM420 juta), Kemudahan Masyarakat dan Rekreasi (RM374.7 juta) diikuti pembangunan sektor Pertanian, Perikanan dan Perniagaan (RM161.2 juta). Rumusan mengenai setiap cadangan ini diharap dapat memudahkan semua pihak yang terlibat dalam pembangunan Daerah Bagan Datuk dalam mengenal pasti projek / program pembangunan yang terdapat dalam RT Daerah Bagan Datuk 2035.



Jadual 1.4 : Bilangan Cadangan Projek / Program dan Kos Projek dalam RT Daerah Bagan Datuk 2035

Bil.	Jenis Pembangunan	Bil. Projek / Program	Anggaran Kos Projek (RM)	%
TERAS 1 : PEMBANGUNAN FIZIKAL SEIMBANG DAN CEKAP				
1	Pembangunan Fizikal	3	60,000,000	4.23
2	Pengangkutan dan Pengurusan Lalu Lintas	7	240,000,000	16.93
3	Infrastruktur, Utiliti dan Amalan Teknologi Hijau	5	420,000,000	29.62
TERAS 2: PERTUMBUHAN EKONOMI BERDAYA SAING				
4	Pertanian, Perikanan dan Penternakan	10	161,200,000	11.37
5	Perdagangan, Perkhidmatan dan Perindustrian	3	39,000,000	2.75
6	Pelancongan, Pemeliharaan Warisan, Reka Bentuk Bandar dan Lanskap	9	52,900,000	3.73
TERAS 3: PENINGKATAN KUALITI HIDUP SEJAHTERA				
7	Perumahan, Petempatan Desa dan Pola Petempatan	2	70,000,000	4.94
8	Kemudahan Masyarakat dan Rekreasi	14	374,700,000	26.43
TERAS 4 : PENGURUSAN ALAM SEKITAR MAMPAN				
9	Alam Sekitar, KSAS dan Pengurusan Biodiversiti	1	0	0.0
Jumlah		55	1,417,800,000	100.0

Sumber: Kajian RT Daerah Bagan Datuk 2035.



Jadual 1.5 : Perincian Cadangan Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Bagan Datuk 2035

Kod	Projek / Program Pembangunan	Fasa Pelaksanaan				Agenzi Pelaksana Utama	Sumber Peruntukan	Anggaran Kos Projek (RM)				
		1	2	3	4							
TERAS 1 : PEMBANGUNAN FIZIKAL SEIMBANG DAN CEKAP												
Pembangunan Fizikal												
T1-1	Pengukuhan Hierarki Petempatan		✓	✓		Kerajaan Negeri, MPTI / MDBD, PDTBD	KP, KN	10,000,000				
T1-2	Pewartaan Sempadan Pertumbuhan Bandar		✓			Kerajaan Negeri, MPTI / MDBD, PDTBD	KN	0				
T1-3	Pembangunan Berpusat Persimpangan WCE Hutan Melintang		✓	✓		Kerajaan Negeri, MPTI / MDBD, PDTBD, Pihak Swasta	KP, KN	50,000,000				
Pengangkutan dan Pengurusan Lalu Lintas												
T1-4	Meningkatkan Mutu Kualiti Jaringan Jalan Raya Sedia Ada dan Pembinaan Jalan dan Jambatan ke Sejagop		✓	✓		JKR, MPTI / MDBD, PDTBD, Pihak Swasta	KP, KN	140,000,000				
T1-5	Pengukuhan Pengangkutan Awam		✓			SPAD, MPTI / MDBD, Pihak Swasta	KN, Pihak Swasta	10,000,000				
T1-6	Terminal Bagan Datuk dan Simpang Empat		✓			SPAD, MPTI / MDBD, PDTBD, Pihak Swasta	KP, KN, Pihak Swasta	10,000,000				
T1-7	Menaik Taraf Terminal Feri Antarabangsa Hutan Melintang		✓			Kerajaan Negeri, Jabatan Laut, MPTI / MDBD, PDTBD, Pihak Swasta	KN, Pihak Swasta	50,000,000				
T1-8	Menaik Taraf Jeti Hutan Melintang		✓			Kerajaan Negeri, Jabatan Laut, JPS, PDTBD, Pihak Swasta	KN, Pihak Swasta	15,000,000				
T1-9	Menaik Taraf Jeti Sungai Burong		✓			Kerajaan Negeri, Jabatan Laut, JPS, PDTBD, Pihak Swasta	KN, Pihak Swasta	10,000,000				



Kod	Projek / Program Pembangunan	Fasa Pelaksanaan				Agenzi Pelaksana Utama	Sumber Peruntukan	Anggaran Kos Projek (RM)
		1	2	3	4			
T1-10	Menaik Taraf Kemudahan Pejalan Kaki dan Basikal	✓	✓			MPTI / MDBD, Pihak Swasta	MPTI / MDBD	5,000,000
Infrastruktur, Utiliti dan Amalan Teknologi Hijau								
T1-11	Memperluaskan Jajaran Talian Elektrik		✓	✓		Tenaga Nasional Berhad (TNB), PDTBD	KP, KN	300,000,000
T1-12	Memantapkan Sistem Saliran Sekunder	✓	✓			JPS, MPTI / MDBD, PDTBD	KP, KN	30,000,000
T1-13	Membina Tapak Pelupusan Sanitari dan Pusat Kitar Semula		✓	✓		JPSPN, MPTI / MDBD, PDTBD, Pihak Swasta	KP, KN	50,000,000
T1-14	Perluasan Rangkaian Talian dan Peningkatan Kadar Penembusan ICT		✓	✓		JPSPN, MPTI / MDBD, PDTBD, Pihak Swasta	KP, KN	20,000,000
T1-15	Pembangunan dan Pengurusan Sumber Air Bersepadu dan Berkesan		✓	✓	✓	Lembaga Air Perak, PDTBD	KP, KN	20,000,000
TERAS 2: PERTUMBUHAN EKONOMI BERDAYA SAING								
Pertanian, Perikanan dan Penternakan								
T2-1	Pengezonan Kawasan Kekal Kelapa (3K)	✓	✓	✓	✓	Cadangan Lembaga Kelapa dan Nanas Negara, PDTBD	KP	8,000,000
T2-2	Program Penanaman Pintar Kelapa	✓	✓	✓	✓	Stesen MARDI Bagan Datuk	KP, KN	10,000,000
T2-3	Program Integrasi Tanaman Kelapa dan Tanaman Kontan	✓	✓	✓	✓	Jabatan Pertanian Negeri Perak, Pejabat Pertanian Daerah Bagan Datuk, PPPNP, PDTBD	KP, KN	500,000



Kod	Projek / Program Pembangunan	Fasa Pelaksanaan				Agenzi Pelaksana Utama	Sumber Peruntukan	Anggaran Kos Projek (RM)
		1	2	3	4			
T2-4	Program Integrasi Tanaman dan Ternakan	✓	✓	✓	✓	Jabatan Pertanian Negeri Perak, Pejabat Pertanian Daerah Hilir Perak, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah Hilir Perak dan pihak swasta	KP, KN	500,000
T2-5	Ternakan Kupang Sistem Rakit	✓				Jabatan Perikanan Negeri Perak, Pejabat Perikanan Daerah Hilir Perak	KP, KN	100,000
T2-6	Institut Penyelidikan Perikanan Bagan Datuk		✓			Jabatan Perikanan Malaysia, PDTBD, MPTI / MDBD	KP	40,000,000
T2-7	Terminal Perikanan Bersepadu		✓	✓		LKIM, Jabatan Perikanan Malaysia, PDTBD, MPTI / MDBD	KP	100,000,000
T2-8	Pembangunan Semula ZIA Daerah Bagan Datuk		✓	✓	✓	Jabatan Perikanan Negeri Perak dan Pejabat Perikanan Daerah Hilir Perak	KN	1,000,000
T2-9	Pemeliharaan dan Pemantauan Zon Tangkapan Udang Baring Sungai Tiang	✓	✓	✓	✓	Jabatan Perikanan Negeri Perak dan Pejabat Perikanan Daerah Hilir Perak	KN	500,000
T2-10	Program Persijilan Ternakan Burung Walit	✓	✓	✓	✓	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia	KP	100,000



Kod	Projek / Program Pembangunan	Fasa Pelaksanaan				Agenzi Pelaksana Utama	Sumber Peruntukan	Anggaran Kos Projek (RM)
		1	2	3	4			
Perdagangan, Perkhidmatan dan Perindustrian								
T2-11	Pembangunan Tapak Industri PKS Makanan		✓	✓		KKLW, MARA (KIMAR), DOA, MPTI / MDBD, PDTBD, Pihak Swasta	KP, KN, Pihak Swasta	30,000,000
T2-12	Naik Taraf Pasar Awam Bagan Datuk dan Hutan Melintang		✓			MPTI / MDBD, PDTBD	KN	4,000,000
T2-13	Pembangunan Pusat Makanan Laut Halal di Hutan Melintang dan Bagan Datuk		✓			MPTI / MDBD, PDTBD, Pihak Swasta	KN, Pihak Swasta	5,000,000
Pelancongan, Pemeliharaan Warisan, Reka Bentuk Bandar dan Lanskap								
T2-14	Pakej Pelancongan dan <i>Tourism Access Card</i>	✓	✓			MTC, Tourism Malaysia, JKKN Perak, Perak Tourism, MPTI / MDBD, PTNP, Jabatan Laut, PDTBD	KP, KN, MPTI / MDBD, Pihak Swasta	5,000,000
T2-15	Pembangunan Pelancongan dan <i>Heritage Trails</i>		✓	✓		MTC, Tourism Malaysia, JKKN Perak, Perak Tourism, MPTI / MDBD, PTNP, Jabatan Laut, PDTBD	KP, KN, MPTI / MDBD, Pihak Swasta	5,000,000
T2-16	<i>Volunteering Tourism Program</i>	✓	✓			MTC, Tourism Malaysia, JKKN Perak, Perak Tourism, MPTI / MDBD, PDTBD	KP, KN, MPTI / MDBD, Pihak Swasta	200,000
T2-17	<i>Cottage Industry</i>	✓	✓			MTC, Tourism Malaysia, JKKN Perak, Perak Tourism, MPTI / MDBD, PDTBD	KP, KN, MPTI / MDBD, Pihak Swasta	1,000,000



Kod	Projek / Program Pembangunan	Fasa Pelaksanaan				Agenzi Pelaksana Utama	Sumber Peruntukan	Anggaran Kos Projek (RM)
		1	2	3	4			
T2-18	Pembangunan Pelancongan Pulau Sembilan	✓	✓	✓		MTC, Tourism Malaysia, JKKN Perak, Perak Tourism, MPTI / MDBD, PTNP, Jabatan Laut, PDTBD	KP, KN, MPTI / MDBD,	20,000,000
T2-19	Pusat Penerangan Pelancongan	✓	✓			Tourism Malaysia, JKKN Perak, Perak Tourism, MPTI / MDBD, PDTBD	MPTI / MDBD	1,500,000
T2-20	Menambah Bilangan Agenzi Pelancongan	✓	✓			Tourism Malaysia, JKKN Perak, Perak Tourism, MPTI / MDBD	MPTI / MDBD, Pihak Swasta	200,000
T2-23	Pengukuhan Imej Bandar	✓	✓			MPTI / MDBD	MPTI / MDBD	10,000,000
T2-24	Penambahaikan Karektor dan Landskap Bandar	✓	✓	✓		MPTI / MDBD	MPTI / MDBD	10,000,000

TERAS 3: PENINGKATAN KUALITI HIDUP SEJAHTERA

Perumahan, Petempatan Desa dan Pola Petempatan

T3-1	Membangunkan Rumah Mampu Milik		✓	✓	✓	KPKT, LPHP, MPTI / MDBD, PDTBD, Pihak Swasta	KP, KN, Pihak Swasta	50,000,000
T3-2	Membangunkan Kawasan Infill di Hutan Melintang		✓	✓	✓	MPTI / MDBD, PDTBD, Pihak Swasta	KP, KN, Pihak Swasta	20,000,000

Kemudahan Masyarakat dan Rekreasi

T3-3	Pejabat Pendidikan Daerah		✓			KPM, JKR, PDTBD	KP, KN	10,000,000
T3-4	Pembinaan Sebuah Sekolah Menengah		✓	✓		KPM, Jabatan Pendidikan Negeri Perak, JKR, PDTBD	KP, KN	30,000,000
T3-5	Pejabat Kesihatan Daerah		✓			KKM, JKR, PDTBD	KP, KN	30,000,000



Kod	Projek / Program Pembangunan	Fasa Pelaksanaan				Agenzi Pelaksana Utama	Sumber Peruntukan	Anggaran Kos Projek (RM)
		1	2	3	4			
T3-6	Pembinaan Hospital Daerah		✓			KKM, Jabatan Kesihatan Negeri, JKR, PDTBD	KP, KN	100,000,000
T3-7	Klinik Kesihatan		✓			KKM, Jabatan Kesihatan Negeri, JKR, PDTBD	KP, KN	20,000,000
T3-8	Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah		✓			KKDN, JKR, PDTBD	KP, KN	60,000,000
T3-9	Pembinaan Balai Bomba di Bagan Datuk		✓			KKDN, JKR, PDTBD	KP, KN	30,000,000
T3-10	Menjadikan Masjid Al-Qura' Sebagai Pusat Dakwah	✓				Jabatan Agama Islam Negeri Perak, Pejabat Agama Islam Daerah Bagan Datuk	KP, KN	0
